

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI JOHOR) 2003
PEMBERITAHUAN FATWA DI BAWAH SUBSEKSYEN 48 (6)

FATWA HUKUM MELARUTKAN BATA ABU AL-QURAN

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 [*Enakmen 16 Tahun 2003*], Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor, atas perintah dan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, menyediakan fatwa yang dinyatakan di bawah untuk disiarkan menurut subseksyen 48 (6) Enakmen itu.

Bersetuju dengan garis panduan aktiviti melarutkan bata abu al-Quran bagi tujuan memuliakannya oleh Jabatan Agama Islam Negeri Johor dengan beberapa pindaan sebagaimana berikut :

1. Pendahuluan

Panduan ini menggariskan aktiviti melarutkan bata abu al-Quran bagi tujuan memuliakannya di Jabatan Agama Islam Negeri Johor yang telah disahkan oleh Jabatan Mufti Johor.

2. Tujuan

Panduan ini dikuatkuasakan adalah untuk memudahkan pengurusan Bahagian Penyelidikan Jabatan Agama Islam Negeri Johor, pentadbiran pejabat-pejabat Kadi daerah dan agensi-agensi yang berkenaan bagi melaksanakan kerja-kerja melarutkan bata abu al-Quran yang telah selesai melalui proses pelupusan.

3. Proses Pembekuan

3.1 Abu al-Quran yang telah selesai melalui proses pelupusan hendaklah dibatalkan dengan menggunakan mesin khas dan air yang bersih tanpa dicampur dengan bahan-bahan lain.

3.2 Pengendali hendaklah berpakaian patuh syariat, berkasut dan sentiasa dalam keadaan berwuduk semasa melaksanakan proses membatalkan.

3.3 Setiap dua kilogram abu hendaklah dibancuh dengan 1.5 liter air bagi menghasilkan bata yang sempurna.

3.4 Pastikan abu yang telah dibatakan ditimbang dan direkod.

3.5 Bata abu al-Quran hendaklah disimpan dalam bekas yang bertutup rapi dan diletakkan ditempat yang dikhaskan.

3.6 Ketinggian tempat simpanan bata abu al-Quran hendaklah melebihi tiga kaki dari paras lantai.

4. Proses Pelarutan

4.1 Membaca al-Quran sekurang-kurangnya juzuk ke 30 sebelum menaiki kapal, mengikut kesesuaian tempat, masa dan keadaan.

4.2 Bacaan doa selamat hendaklah diadakan sebelum memulakan perjalanan ke lokasi yang telah ditetapkan bagi melarutkan bata abu al-Quran.

4.3 Taklimat tentang keselamatan akan disampaikan oleh pegawai Jabatan Laut Wilayah Selatan atau agensi yang berkenaan di atas kapal.

4.4 Taklimat berkenaan tatacara melarutkan abu al-Quran akan disampaikan oleh pegawai daripada Bahagian Penyelidikan Jabatan Agama Islam Negeri Johor.

4.5 Bacaan doa oleh Pegawai Agama sebelum memulakan kerja-kerja pelarutan bata abu al-Quran setelah tiba dikawasan yang telah ditetapkan.

4.6 Proses melarutkan bata al-Quran hendaklah dilaksanakan dengan diiringi bacaan selawat.

4.7 Aspek keselamatan diri perlu diberi keutamaan semasa kerja-kerja melarutkan bata abu al-Quran dilaksanakan.

4.8 Memastikan bata abu al-Quran yang akan dilaksanakan dilarutkan dengan tertib dan sempurna dengan niat untuk memuliakannya.

4.9 Peralatan, bekas dan juga kawasan kapal yang telah digunakan semasa proses melarutkan abu hendaklah dibersihkan dan kemas.

5. Kawasan Melarut

5.1 Lokasi melarutkan bata abu al-Quran hendaklah dilaksanakan dikawasan laut lepas sahaja dengan jarak melebihi 15 batu nautika daripada jeti.

5.2 Tidak dibenarkan melarutkan bata abu al-Quran dikawasan laluan kapal.

5.3 Kedalaman air laut adalah sekurang-kurangnya lima meter supaya abu yang dilarutkan terus tenggelam ke dasar laut.

6. Kaedah Melarut

6.1 Bata abu al-Quran hendaklah dilarutkan dengan cara melaksanakannya dari atas kapal ke laut atau dibawa turun ke dasar laut dengan menggunakan kaedah selam skuba yang dilaksanakan oleh Kelab Selam Skuba Persatuan Pegawai Agama Islam Negeri Johor.

7. Penglibatan Pelaksanaan

Segala aktiviti melarutkan bata abu al-Quran hendaklah dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri Johor dan agensi-agensi yang berkenaan seperti Jabatan Laut Wilayah Selatan, Maritim Taman Laut Sultan Iskandar dan sebagainya.

8. Penutup

Diharapkan dengan adanya Garis Panduan Melarutkan Bata Abu Al-Quran daripada Jabatan Agama Islam Negeri Johor akan dijadikan panduan kepada agensi-agensi yang berkenaan dalam melaksanakan program tersebut.

Bertarikh 19 Rabiul Akhir 1444 / 14 November 2022

[JMJ.351/04/01/6/59;PPUUNJ(R)600-1/5/8(30)]

Dengan Titah,

DATO' HAJI YAHYA BIN AHMAD
Mufti Negeri Johor

HAJI ZAINAL BIN ERAN
*Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan
Johor*